

08 SEP 1998

HABIBIE CADANG LAWATAN SEHARI KE MALAYSIA

JAKARTA, 8 Sept (Bernama) -- Presiden B.J. Habibie bercadang melakukan lawatan sehari ke Kuala Lumpur bulan depan untuk meningkatkan persahabatan dan membincangkan isu-isu bersama Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad, menurut Menteri Kehakiman, Muladi hari ini.

Beliau berkata, lawatan itu dibincangkan oleh presiden dalam mesyuarat bersama sekumpulan Menteri Kabinet di Istana Merdeka tengah hari tadi.

Muladi berkata lawatan ke Kuala Lumpur akan diadakan pada minggu kedua Oktober selepas negara itu menyambut Hari Angkatan Tentera ke 53.

Turut dijangka menyertai lawatan itu ialah Panglima Angkatan Tentera yang juga Menteri Pertahanan dan Keselamatan Jen. Wiranto, Menteri Luar Ali Alatas, Menteri Koperasi Adi Sasono dan juga Muladi.

Beliau berkata, lawatan itu ialah atas inisiatif Perdana Menteri Malaysia Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Habibie.

Perbincangan akan bertumpu kepada isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa, katanya.

-- BERNAMA

ABU PR